


ALAT KEBESARAN DIRAJA NEGERI SEMBILAN, sekumpulan alatan yang menjadi lambang kekuasaan serta pengesahan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Alat ini ialah payung kuning sebanyak 16 kaki, pedang sebanyak 16 bilah, keris panjang sebanyak 16 bilah, tombak benderang sebanyak 16 batang, tunggul (panji-panji), empat berwarna kuning, dua berwarna merah, dua berwarna hitam, tepak sirih sebanyak 8 buah, tempat abu



a. Lapan daripada 16 kaki payung kuning



b. Lapan daripada 16 bilah keris panjang

Sebahagian alat kebesaran diraja Negeri Sembilan

sebanyak 8 buah dan tiang lilin sebanyak 8 batang.

Bagi istiadat biasa, alat ini hanya dipasang serba delapan, kecuali semasa istiadat pertabalan baharulah dipasang serba 16. Alat kebesaran ini tidak boleh dikeluarkan dan diturunkan tanpa kebenaran Orang Empat Istana. Alat ini juga tidak boleh dijadikan perhiasan atau dipertunjukkan.

Alat kebesaran ini hanya boleh diturunkan semasa adat istiadat kemangkatan Duli Yang Dipertuan Besar, Tuanku Ampuan, putera yang empat, isteri putera yang empat, anak raja yang bergelar, isteri anak raja yang bergelar, putera dan puteri Yang Dipertuan Besar dan anak raja apabila dimakamkan jenazahnya dengan adat yang penuh mengikut aturan; istiadat pertabalan Duli Yang Dipertuan Besar; istiadat melantik Tuanku Ampuan; istiadat ulangan penghulu luak menghadap; istiadat hari keputeraan Duli Yang Dipertuan Besar; istiadat nikah kahwin yang dikenal dengan istiadat beralat; istiadat berkhitan; dan Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. Alat ini juga boleh diturunkan dengan meminta izin Orang Empat Istana jika pekerjaan itu terkandung dalam perbilangan adat iaitu 'didengar bunyi, dirasa perisa, dipandang rupa'.

Alat kebesaran ini diturunkan dengan peraturan yang penuh adat istiadat. Istiadat ini dimulakan dengan Orang Empat Istana mengeluarkan alat itu hingga ke pintu Istana Besar, kemudian Dato' Amar Seri Diraja menepung tawar segala alat itu.

Dato' Raja Dewangsa memaklumkan kepada Dato' Johan supaya menyambut alat kebesaran itu. Dia akan berseru kepada Dato' Setia Bijaya, ketua pegawai 99 supaya menyambut dan membawa segala alat itu ke halaman istana. Alat itu dipasang bertimbalan di kiri kanan halaman istana. Alamet meriam pun dibunyikan mengikut peraturannya. [lih. j. ADAT PERTABALAN YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN]

ALAT KEBESARAN DIRAJA NEGERI TERENG-GANU, sekumpulan alatan yang menjadi lambang kekuasaan serta pengesahan Sultan Terengganu. Alat ini sukar dikesan bila tarikh penggunaannya. Alat kebesaran yang ada sekarang dikatakan dicipta sejak pemerintahan Sultan Zainal Abidin ketiga (1881–1918) dan diperlengkapkan apabila Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin menaiki takhta kerajaan pada 16 Disember 1945. Alat kebesaran diraja ini terbahagi kepada beberapa kumpulan iaitu:

Alat Tubuh Raja Dipakai oleh Sultan dan Tengku Ampuan Besar pada hari pemahkotaan (pertabalan) dan hari kebesaran diraja. Alat tersebut ialah:

- Sebuah mahkota berbentuk tanjak berwarna kuning diraja dan dihias dengan emas bertatah berlian yang diukir indah dengan motif jata kebesaran negeri Terengganu, bulan bintang dan awan larat.
- Gandik, mahkota yang dipakai oleh Tengku Ampuan Besar.
- Seutas rantai selempang emas.

Alat yang Diperbuat Daripada Emas

- Sebatang cogan negeri.
- Dua batang cokmar.
- Sebilah pedang.
- Sebilah keris panjang.
- Sebuah puan.
- Sebiji ketur.

Alat yang Dipakai oleh Penjawat Raja

- Tetampan daripada kain sutera kuning keemasan dan berumbai-rumbai.
- Wali daripada kain kuning berambu-rambu.
- Keris dukung daripada kain kuning panjang berambu-rambu.
- Kain selampai daripada kain kuning bertatah mutu permata dan berumbai-rumbai.

Alat Perarakan untuk Kegunaan Sambut-menyambut

- Sebilah lembing.
- 16 bilah lembing pengawal.
- 16 bilah lembing berambu.
- 16 kaki payung ubur-ubur yang terdiri daripada lapan kaki berwarna putih dan lapan kaki berwarna kuning.